



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 26 MAC 2019

- 1. HUJAN RAHMAT BUAT TANAMAN PADI**
 - **HARIAN METRO**

- 2. EMPANGAN BUKIT KWONG HANYA BERTAHAN 68 HARI**
 - **BERITA HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KEMARAU

Empangan Bukit Kwong hanya bertahan 68 hari



Kamal meninjau paras air di Empangan Bukit Kwong, Rantau Panjang semalam.

➔ Masalah bekalan air jejas 406 hektar sawah di Kelantan

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin dan Zahratulhayat Mat Arif
bhnews@bh.com.my

► Rantau Panjang

Musim kemarau sejak bulan lalu menyebabkan paras air di Empangan Bukit Kwong, di sini kritikal apabila hanya mampu bertahan 68 hari bagi menyalurkan bekalan air kepada 406 hektar tanaman padi, di negeri ini.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Kamal Mustapha, berkata data paras air yang menunjukkan baki paras air yang boleh digunakan adalah sebanyak 1.74 meter (m) sebelum mencapai paras mati (dead level).

Beliau berkata, berdasarkan data Reservoir Level dari Januari hingga semalam, purata kadar penurunan aras air di

empangan berkenaan adalah sebanyak 0.03m sehari.

"Paras air empangan berkenaan setakat semalam (kelmarin) merekodkan 13.94m berbanding paras mati sebanyak 12.2m dan bekalan itu masih boleh digunakan sebanyak 1.74m.

"Jika tiada hujan selama 68 hari ini, keadaan akan jadi paling kritikal apabila pada paras mati, air tidak dapat disalurkan. Namun kita sedar hujung bulan ini berlaku peralihan monsun, sekali gus yakin kita dapat harungi musim kemarau ini.

Pulih Mei

"Kita juga mengambil langkah awal dengan mengawal pengeluaran air di pintu lepasan empangan secara terkawal, selain memastikan tiada kebocoran supaya tiada pembaziran berlaku," katanya ketika ditemui selepas melakukan tinjauan di Empangan Bukit Kwong, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Kamal berkata, penggunaan bekalan air di empangan itu bergantung kepada jadual penanaman dan proses pertumbuhan padi yang mana padi ketika ini sudah berusia 60 hari dan memerlukan 50 hari lagi untuk masak.

Katanya, keadaan itu akan kembali pulih bermula Mei ini apabila musim kembali normal

selain negeri ini menerima hujan pada musim tengkujuh, Oktober depan.

"Selain itu, memandangkan negeri ini tiada empangan yang dibina bagi mengawal paras air sungai ketika kemarau dan tengkujuh, kita berharap Empangan Nenggiri dan Empangan Lebir akan dibina untuk tujuan itu.

"Malah, sekurang-kurangnya tiga empangan mini di Pasir

Fakta nombor

1.7 METER

baki paras air boleh digunakan di Empangan Bukit Kwong

Fakta nombor

7.56 METER

paras air Empangan Kolum Bukit Merah dekat Taiping

Mas, Machang dan Kuala Krai turut perlu dibina untuk penyelesaian jangka panjang supaya ia dapat menampung paras air Sungai Kelantan dan Golok sama ada kering atau berlebihan pada musim tertentu," katanya.

Sementara itu di Ipoh, paras air di Empangan Kolum Bukit Merah dekat Taiping merosot dan berada pada tahap berjaga-jaga untuk sistem pengairan pertanian.

Pengarah JPS Perak, Datuk Dr Ahmad Anuar Othman, berkata paras air empangan berkenaan ketika ini berada pada paras 7.56m.

Katanya, berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) empangan berkenaan, paras 8.69m adalah tahap normal untuk pengairan pertanian manakala tahap berjaga-jaga pengairan (7.62m) dan kritikal pengairan (7.01m).

Beliau berkata, bekalan air ke kawasan pengairan akan dihentikan jika paras air merosot sehingga ke tahap 6.1m. Empangan berkenaan membekalkan air untuk kawasan pengairan seluas 22,000 hektar sawah padi di daerah Kerian, selain membekalkan air kepada lebih 200,000 penduduk berhampiran termasuk keperluan industri di kawasan perindustrian Kamunting, di Taiping.

Selangor cukup bekalan walaupun tiada hujan

Shah Alam: Bekalan air di semua empangan dan kolam takungan di Selangor mencukupi untuk menghadapi musim kemarau yang dijangka berlarutan sehingga bulan depan.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata bekalan air di empangan dan kolam takungan masih pada kadar 80 peratus dan dijangka cukup untuk menampung permintaan selama tiga bulan.

"Seperti pengumuman Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Selangor tidak berdepan risiko catuan sebagaimana beberapa negeri yang diumumkan.

"Secara keseluruhannya, takungan di tujuh empangan negeri dalam keadaan baik dan mampu menampung keperluan Loji Rawatan Air Air (LRA) dan permintaan semasa 4,800 juta liter sehari (JLH).

Mampu bertahan

"Pelaksanaan Operasi Pengempaman Air Kolum (OPAK) dan Off-River Storage (ORS) juga membantu kekal kapasiti air yang diperlukan jika berlaku kemarau panjang dalam tempoh sebulan dua ini dan mengikut kapasiti yang ada kita dapat bertahan sehingga tiga bulan walaupun tiada hujan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak, di sini.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahyia; Speaker Dewan Negeri Selangor, Ng Sucee Lim dan Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Hashim Osman.

Amirudin berkata, Operasi Pembenihan Awan akan dilakukan di kawasan tadahan dan lembangan sungai apabila kapasiti empangan miumurun di bawah 60 peratus.

Sementara itu, pada majlis dianjurkan LUAS itu, turut dilancarkan secara rasmi LUAS Intelligent Support System (LISS).

Hashim berkata, LISS adalah sistem yang dapat mengukur tepat kedudukan air di empangan mula digunakan tahun lalu.

"Ia mengawal pelepasan air dari empangan dan jika Air Selangor melepaskan air melebihi had, kita akan terus maklumkan kepada mereka.

"Pelepasan air di empangan dilakukan mengikut keperluan, justeru pada tahun lalu kita dapat mengawal air pada sekitar 95 ke 100 peratus," katanya.



Bekalan air di empangan dan kolam takungan masih pada kadar 80 peratus dan dijangka cukup untuk menampung permintaan selama tiga bulan

Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 MAC 2019

PERKARA : PERTANIAN

Hujan renyai pada pagi semalam 'menyegarkan' tanaman petani dari Kampung Bendang Pak Yong di sini selepas terjejas berikutan kemarau sejak hampir dua bulan lalu.

Mohd Razman Aziz, 41, bersyukur kerana walaupun hujan tidak lebat, tapi cukup untuk membasahkan tanaman kunyit, tembikai, padi dan tebu ditanamnya di tanah seluas enam hektar.

"Namun jika cuaca panas

Tumpat

Hujan rahmat buat tanaman petani

kembali petang ini, barulah saya mengairi tanaman.

"Hujan pagi memang membantu daripada segi pengairan tanaman kerana boleh menjimatkan penggunaan enjin untuk mengepam air dari tali air dan kolam ke tapak tanaman," katanya.

Mohd Razman berkata,

peralihan cuaca memberi manfaat kepada 400 itik peliharaannya kerana tidak perlu mengepam air, sebaliknya hanya menadah air hujan untuk semua itiknya berenang.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Meteorologi Kelantan, Rabiah Al Adawiah Zakaria ketika

dihubungi berkata, hujan renyai pagi ini (semalam) disebabkan tempoh peralihan monsun dan dalam tempoh itu pertambahari jumlah hujan dijangka berlaku.

"Kami jangka hujan berlaku dua hari sehingga hari ini. Ketika peralihan monsun, biasanya hujan turun sebelah petang di kawasan pedalaman dan Pantai Barat Semenanjung," katanya.

HM 26.3.19.